



PEKELILING PENDAFTAR BIL. 2/2019

LARANGAN PENGGUNAAN ALAMAT PEJABAT UNTUK TUJUAN PENGHANTARAN BARANGAN PERIBADI STAF

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berkenaan larangan penggunaan alamat pejabat untuk tujuan penghantaran barangan peribadi staf melalui khidmat penghantaran kurier (courier service).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pejabat Pendaftar menerima begitu banyak penghantaran barangan peribadi staf daripada pihak kurier.



- 2.2 Perkara ini membebankan Pembantu Operasi kerana terpaksa membuat tambahan kerja yang tidak termasuk dalam skop tugas mereka.
- 2.3 Pada masa yang sama sekiranya barangan peribadi staf tersebut hilang atau seumpamanya, Pembantu Operasi akan dipertanggungjawabkan atas kes tersebut.
- 2.4 Dalam mesyuarat bersama Pembantu Operasi, mereka menyuarakan berkenaan bebanan tugas yang terpaksa ditanggung oleh mereka kerana perlu menguruskan barang-barang peribadi yang dibeli/dipesan oleh staf, yang mana mengganggu perjalanan kerja hakiki mereka.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Berkuatkuasa selepas ini, Pembantu Operasi hanya bertanggungjawab kepada:
 - 3.1.1 Pengurusan surat/dokumen rasmi sahaja;
 - 3.1.2 Penyediaan barang keperluan aktiviti yang dianjurkan PTj;
 - 3.1.3 Memantau penyelenggaraan mesin/barang keperluan di PTj
 - 3.1.4 Mengurus dan mengambil keperluan barang-barang/peralatan dari stor Pejabat Bendahari bagi keperluan PTj; dan
 - 3.1.5 Lain-lain tugas rasmi yang diarahkan oleh KPTj/pegawai dari semasa ke semasa.
- 3.2 Pejabat Pendaftar hanya menguruskan surat/dokumen masuk/keluar yang rasmi sahaja.
- 3.3 **Bagi pengurusan barang belian peribadi staf diserahkan kepada Koperasi Siswa UniSZA (KOSISWA) dengan bayaran yang ditetapkan oleh KOSISWA.**



3.4 Alamat yang boleh digunakan oleh staf UniSZA adalah seperti berikut:

Nama Penerima
Nama Pusat Tanggungjawab
Lot 7 Taman Usahawan Muda Pelajar
UniSZA Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu

No. Telefon Penerima

3.5 Pihak KOSISWA juga telah menyatakan persetujuan untuk mengendalikan urusan tersebut melalui suratnya bertarikh 25 Jun 2018.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pendaftar ini adalah berkuat kuasa mulai **30 Mei 2019**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Ilmu dan Akhlak”

Saya yang menjalankan amanah,

ISMAIL BIN AHMAD

Pendaftar

Bertarikh: 28/5/2019



s.k:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Penasihat Undang-Undang

Ketua Pustakawan

Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda

Pengarah Kampus Besut

Pengerusi Koperasi Siswa UniSZA



SENARAI EDARAN

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Timbalan Pendaftar Pejabat Pendaftar
- Bendahari
- Penasihat Undang-Undang UniSZA
- Ketua Pustakawan
- Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda
- Ketua Unit Audit Dalam UniSZA
- Pengarah Pusat Komunikasi Korporat & Pengurusan Perhubungan
- Pengarah Pusat Perancangan Strategik, dan Pengurusan Sistem Kualiti & Risiko
- Pengarah Pusat Pengurusan Penjana Pendapatan, Pelaburan & Jaringan Industri
- Pengarah Pejabat Wakaf & Endowmen
- Pengarah Pusat Pembangunan Hospital UniSZA
- Pengarah Pusat Pengurusan Bakat & Latihan UniSZA
- Dekan Fakulti Perubatan
- Dekan Fakulti Sains Sosial Gunaan
- Dekan Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan
- Dekan Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi
- Dekan Fakulti Farmasi
- Dekan Fakulti Informatik dan Komputeran
- Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- Dekan Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
- Dekan Fakulti Sains Kesihatan
- Dekan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
- Dekan Fakulti Bahasa & Komunikasi
- Pejabat Pengarah Kampus Besut
- Pengarah Pusat Pengajian Teras
- Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan Akademik & Pengantarabangsaan
- Dekan Pusat Pengajian Siswazah
- Pengarah Pusat Asasi Sains & Perubatan UniSZA
- Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan
- Pengarah Penerbit UniSZA
- Pengarah Pusat Pengurusan Infostruktur & Rangkaian Pusat Pengurusan Makmal Berpusat
- Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur
- Pengarah Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam
- Pengarah Kolej Kediaman & Kesihatan Pelajar
- Pengarah Pusat Islam UniSZA
- Pengarah Pusat Alumni, Keusahawanan & Jaringan Masyarakat
- Pengarah Pusat Pembangunan Holistik Pelajar
- Pengarah Pusat Sukan & Rekreasi
- Pengarah Pusat Kesenian & Warisan